



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PENGUMUMAN CUTI PERISTIWA NEGERI JOHOR PADA 25 MEI 2026 SEMPENA KEJAYAAN KELAB BOLA SEPAK JOHOR DARUL TA'ZIM (JDT) MENJUARI PERLAWANAN AKHIR PIALA MALAYSIA 2025/2026

1. Kerajaan Negeri Johor telah mengisytiharkan tarikh 25 Mei 2026 (Isnin) sebagai Cuti Hari Peristiwa bagi seluruh rakyat Johor sempena kejayaan pasukan Kelab Bola Sepak JDT merangkul Kejuaraan Piala Malaysia 2025/2026.
2. Pengisytiharan ini dibuat selaras dengan Subseksyen 9 (1) Akta Hari Kelepasan 1951 [Akta 369] yang membolehkan pihak berkuasa negeri mengisytiharkan mana-mana hari sebagai hari kelepasan am bagi negeri berkenaan.
3. Hari kelepasan am ini merupakan hari kelepasan am pilihan dan tidak wajib diberikan kepada pekerja sektor swasta.
4. Namun begitu, mana-mana majikan yang memilih Cuti Peristiwa Negeri Johor ini sebagai hari kelepasan am syarikat hendaklah memberikan hari kelepasan am bergaji kepada pekerja pada 25 Mei 2026.
5. Walau bagaimanapun, majikan boleh dengan persetujuan pekerja menggantikan cuti tersebut kepada hari lain sebagaimana peruntukan Seksyen 60D (1A) Akta Kerja 1955.

TAMAT

